

# Tatakelakuan



# Ka da nu n a s a n

<b>1. Pengenalan</b>	<b>04</b>
<b>2. Nilai murni kita dan prinsip etika yang berkaitan</b>	<b>05</b>
2.1. <b>Perkara paling penting dalam kehidupan</b>	<b>06</b>
2.1.1. Dalam semua aspek keselamatan	
2.1.2. Kesihatan kita di tempat kerja	
2.2. <b>Hormati planet dan komuniti kita</b>	<b>07</b>
2.2.1. Menjaga alam sekitar	
2.2.2. Hubungan kita dengan masyarakat	
2.2.3. Hormati Hak Asasi Manusia	
2.3. <b>Hargai individu yang membina syarikat kita</b>	<b>09</b>
2.3.1. Persekitaran kerja yang terangkum	
2.3.2. Hubungan yang sihat dan membina	
2.4. <b>Bertindak dengan integriti</b>	<b>10</b>
2.4.1. Keputusan tanpa konflik kepentingan	
2.4.2. Kebertanggungjawaban data dan aset	
2.4.3. Tidak bertoleransi terhadap rasuah atau apa-apa keistimewaan yang tidak wajar	
2.4.4. Persaingan adil dan perniagaan yang bertanggungjawab	
2.4.5. Wakil syarikat	
2.4.6. Hadiah dan hospitaliti	
2.4.7. Pembekal Kita	
2.5. <b>Merealisasikan pelaksanaannya</b>	<b>13</b>
2.5.1. Hasil yang bertanggungjawab dan mampan	
2.5.2. Kawalan dalaman dan pengurusan risiko	
2.5.3. Kesahan, keformalan dan ketelusan	
<b>3. Menguruskan Tatakelakuan</b>	<b>14</b>
3.1. Siapakah yang mengguna pakai Tatakelakuan ini?	
3.2. Bagaimanakah kita harus menggunakan Tatakelakuan ini?	
3.3. Soalan	
3.4. Saluran Tukang Adu	
3.5. Pengurusan Salah Laku	
<b>4. Glosari</b>	<b>17</b>
<b>5. Terma Pengakuan dan Komitmen</b>	<b>19</b>

# Kita wujud untuk menambah baik kehidupan dan mengubah masa depan. **Bersama-sama.**

Etika dan Integriti merupakan elemen asas syarikat kita.

Etika membimbing keputusan harian kita. Bagi kita, bertindak dengan etika bermakna melakukan perkara yang betul, sentiasa mempertimbang impak setiap keputusan pada masyarakat dan alam sekitar kita.

Integriti ialah asas kepercayaan yang mahu kita bina dengan rakan kongsi, para pelabur dan komuniti tempat kita beroperasi. Memperoleh dan mengekalkan kepercayaan tersebut memerlukan ketelusan, kejujuran dan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap nilai murni kita.

Di Vale, kita percaya bahawa bertindak dengan betul dan bertanggungjawab adalah penting untuk membina masa depan yang mampan.

Tatakelakuan kita memberikan panduan mengenai perjalanan ini. Dokumen ini menetapkan prinsip beretika kita dan membantu kita membuat keputusan yang sejajar dengan nilai kita.

Membuat keputusan yang betul bukan sahaja tanggungjawab individu, tetapi juga tugas kolektif. Setiap keputusan yang kita buat mencerminkan diri kita sebagai individu dan sebagai organisasi.

Bersama-sama, kita boleh mewujudkan persekitaran kerja yang berasaskan pada etika dan integriti, mengukuhkan reputasi kita dan menyumbang kepada pertumbuhan mampan, serta pembangunan komuniti.

Masa depan yang mahu kita bina bermula dengan keputusan yang kita buat pada hari ini. Mari kita amalkan nilai murni dan prinsip beretika kita dengan melakukan perkara yang betul. Bersama-sama, mengubah perlombongan



**Daniel André Stieler**  
Pengerusi Lembaga Pengarah



**Gustavo Pimenta**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# Pengenalan

**Tatakelakuan** Vale ialah dokumen yang menghimpun prinsip asas yang sepatutnya membimbing tindakan dan keputusan harian kita, menyokong budaya dan tujuan perniagaan kita.

Berpandukan nilai murni dan prinsip ini, kita digalakkan untuk sentiasa mempelajari dan mengamalkan tingkah laku utama yang diharapkan dalam rutin harian kita, iaitu, kesungguhan dalam pengurusan keselamatan dan risiko, dialog yang terbuka dan telus, pemerkasaan dengan kebertanggungjawaban, mengambil berat, serta mendengar secara aktif dan keterlibatan dengan masyarakat.



## Nilai Murni Kita:

Perkara paling penting dalam kehidupan. Hormati planet dan komuniti kita. Hargai individu yang membina syarikat kita. Bertindak dengan integriti. Merealisasikan pelaksanaannya.

Setiap nilai murni kita mengandungi prinsip yang membimbing usaha kita untuk kekal menjadi syarikat beretika yang terus berkembang dengan cara yang mampan, cekap dan berinovatif.



## Tujuan Kita:

Kita wujud untuk menambah baik kehidupan dan mengubah masa depan. Bersama-sama.

Kita percaya perlombongan adalah penting kepada pembangunan dunia. Kita hanya berkhidmat kepada masyarakat apabila kita menjana kemakmuran untuk semua orang dan menjaga planet ini. Oleh itu, kita wujud untuk menambah baik kehidupan dan mengubah masa depan. Bersama-sama.



## 2. Nilai murni kita dan prinsip etika yang berkaitan

## 2.1. Perkara paling penting dalam kehidupan

### 2.1.1. Dalam semua aspek keselamatan

Keselamatan ialah prinsip wajib bagi syarikat kita dan prasyarat untuk aktiviti kita. Kita mengakui bahawa keputusan kita boleh memberi kesan kepada kehidupan individu di dalam dan di luar Vale, sekaligus menjadi sebab kita sentiasa meletakkan keutamaan penting pada keselamatan dan warga kerja dalam membuat keputusan kita.

Kita menerima guna Piawaian yang membolehkan kita bertindak dengan disiplin operasi dan merancang, serta melaksanakan aktiviti kita dengan cara yang beretika, bertanggungjawab dan selamat. Kita melakukan ini dengan mengamalkan tingkah laku utama dan model pengurusan kita, VPS (Sistem Pengeluaran Vale), yang menggalakkan pengurusan rutin yang cekap dalam meneruskan kecemerlangan operasi.

Bagi kita, dengan mengamalkan nilai murni “Perkara paling penting dalam kehidupan” bermakna bertindak secara beretika, menangani kegagalan kita dengan telus, profesional dan segera. Perkara itu menjadi antara sebab kita melaporkan, menangani dan mempelajari daripada kejadian dan keadaan tidak selamat yang dikenal pasti, sentiasa mempunyai tujuan untuk mengelakkan daripada kejadian tersebut berulang.



Acervo interno Vale

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Vale Management Model Policy – VPS \(POL-0035-G\)](#)



[Policy for Dam Safety and Geotechnical Mining Structures \(POL-0037-G\)](#)



### 2.1.2. Kesihatan kita di tempat kerja

Kita percaya bahawa setiap individu mempunyai hak kepada persekitaran yang selamat dan sihat. Kita berusaha untuk amalan pasaran terbaik bagi mempromosikan persekitaran kerja yang terang-kum, sihat dan selamat.

Kita terus menggunakan dan memantau penyelesaian dan teknologi bagi mengenal pasti, menguruskan, mengurangkan serta menghapuskan pendedahan kepada risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Kami berusaha menggalakkan kesihatan yang penting, termasuk aspek fizikal, mental dan sosial, menyumbang kepada kualiti hidup individu yang menjadi sebahagian daripada Vale.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[People Policy \(POL-0014-G\)](#)



## 2.2. Hormati planet dan komuniti kita

### 2.2.1 Menjaga alam sekitar

Kita menghormati alam semula jadi dan menyedari kepentingan dan permintaan global untuk pemuliharaan sumber semula jadi.

Atas sebab ini, kita telah membuat komitmen yang jelas dan formal berkenaan amalan operasi kita, menguruskan kesan sosial dan alam sekitar yang berkaitan dengan aktiviti kita melalui langkah kawalan, pengurangan dan pampasan yang sesuai. Kita berusaha menyumbang ke arah masa depan dan peralihan tenaga yang lebih mampan, memainkan peranan penting dalam penyahkarbonan global dan bertindak untuk berkembang dalam penjana nilai murni untuk masyarakat.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Sustainability Policy \(POL-0019-G\)](#) →

[Climate Change Policy \(POL-0012-G\)](#) →

[Water and Water Resources Policy \(POL-0032-G\)](#) →

[Mining and Metallurgical Waste Management Policy \(POL-0040-G\)](#) →

[Policy for Dam Safety and Geotechnical Mining Structures \(POL-0037-G\)](#) →

### 2.2.2 Hubungan kita dengan masyarakat

Kita menguruskan risiko dan kesan operasi kita terhadap komuniti dengan kebertanggungjawaban sambil berusaha menyumbang kepada pembangunan wilayah di kawasan kita beroperasi, menghormati dan mengambil kira aspek sosial, kebudayaan, alam sekitar dan ekonomi.

Tindakan kita terhadap masyarakat dipandu oleh rasa hormat dan kepercayaan, berdasarkan pada prinsip etika dan integriti, yang memihak kepada penyertaan individu berniat baik yang bebas dan saksama sambil menggalakkan perkongsian rentas sektor.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Integrated Report](#) →

[Sustainability Policy \(POL-0019-G\)](#) →

[Socioenvironmental and Institutional External Expenditures Policy \(POL-0024-G\)](#) →

[Policy for Dam Safety and Geotechnical Mining Structures \(POL-0037-G\)](#) →



### 2.2.3 Hormati Hak Asasi Manusia

Kita komited untuk menghormati dan menggalakkan Hak Asasi Manusia, mencegah potensi kesan buruk dan, apabila perlu, mengurangkan dan membetulkan kesan tersebut dalam pembangunan aktiviti, perkongsian dan merentasi rantai nilai kita, melalui keterlibatan dengan pihak berkepentingan kita.

Tindakan dan amalan pengurusan kita adalah berdasarkan prinsip dan standard antarabangsa, termasuk Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan undang-undang setiap negara di kawasan kita beroperasi.

Kita mendorong pekerja dan kontraktor, serta ahli komuniti kita di kawasan kita beroperasi, untuk melaporkan apa-apa situasi yang melibatkan pelanggaran Hak Asasi Manusia. Kita mempunyai [Saluran Tukang Adu](#) yang tersedia untuk mendaftar dan mengesahkan dakwaan.

#### **BACA LEBIH LANJUT:**

[Human Rights Policy \(POL-0005-G\)](#) →

[Human Rights Guide](#) →



## 2.3. Hargai individu yang membina syarikat kita



### 2.3.1 Persekitaran kerja yang terangcum

Kita menghargai kepelbagaian dan mempromosikan persekitaran kerja yang terangcum. Kita memastikan pembelajaran dan perkembangan pekerja kita secara berterusan, kerana kita percaya bahawa pertumbuhan Vale saling berjalिन dengan pertumbuhan mereka yang membantu kita membina perniagaan kita setiap hari. Kita mengakui dan memberikan peluang yang saksama untuk semua individu.

Kita berusaha memastikan bahawa semua individu dihormati dan mempunyai peluang mengembangkan potensi mereka, tanpa mengira perbezaan budaya atau ideologi, ketidakupayaan, jantina, warna kulit, etnik, kewarganegaraan, asal-usul, kepercayaan politik, kepercayaan agama, umur, status perkahwinan, status kesatuan, kelas sosial, orientasi seksual, identiti jantina, atau apa-apa keadaan lain. Kita komited untuk membina persekitaran penuh hormat supaya warga kerja boleh mengadakan dialog terbuka dan bersikap jujur kepada diri mereka sendiri.

Kita menolak apa-apa bentuk prasangka, diskriminasi, Gangguan atau Gangguan seksual, keganasan, penghinaan, ugutan, menjadi bahan ejekan, permusuhan, atau rasa malu. Kita menggalakkan agar laporan jenis salah laku ini dibuat melalui [Saluran Tukang Adu](#) kita.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Diversity and Inclusion Policy \(POL-0036-G\)](#) →

[Whistleblower Channel](#) →

### 2.3.2 Hubungan yang sihat dan membina

Kita membina persekitaran kerja kita berdasarkan hubungan saling menghormati, beretika dan berintegriti.

Kita tahu bahawa setiap individu adalah unik dan begitu juga dari segi konteks rutin harian mereka. Perkara itu menjadi antara sebab kita berusaha mengakui dan mempertimbangkan aspek ini sebelum membuat apa-apa keputusan yang boleh mempengaruhi pekerja kita.

Kita ialah syarikat yang mengamalkan pendengaran aktif, serta menghargai pendapat dan pandangan berbeza. Kita percaya bahawa keselamatan psikologi ialah asas untuk membina hubungan kepercayaan dan amalan berterusan dialog yang terbuka dan telus. Kita bertindak dengan matang dan menunjukkan rasa hormat terhadap pandangan yang bertentangan; dengan cara ini kita sentiasa belajar. Kita tidak pernah bertindak balas terhadap individu lain kerana menyatakan pendapat yang berbeza.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[People Policy \(POL-0014-G\)](#) →

[Diversity and Inclusion Policy \(POL-0036-G\)](#) →



## 2.4. Bertindak dengan integriti

### 2.4.1 Keputusan tanpa konflik kepentingan

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan diri, aktiviti atau hubungan seseorang menjejaskan keupayaan mereka untuk membuat keputusan yang objektif dan saksama melibatkan syarikat kita, tidak kira sama ada keputusan tersebut memberi manfaat atau membahayakan Vale.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Anti-Corruption Policy \(POL-0016-G\)](#) →

[Conflict of Interest Management Policy \(POL-0048-G\)](#) →

Kita mesti sentiasa bertindak dengan berintegriti dan telus. Oleh itu, mana-mana konflik kepentingan mesti dilaporkan sebaik sahaja dikenal pasti.

Kita menolak apa-apa tindakan, pengaruh atau keputusan yang didorong oleh kepentingan yang tidak eksklusif dan sah kepada Vale.

### 2.4.2 Kebertanggungjawaban data dan aset

Kita bertanggungjawab untuk semua aset Vale, termasuk kelengkapan, bahan dan maklumat, dalam bentuk cetakan dan digital. Memastikan akses yang betul dan penyelenggaraan selamat maklumat dan aset ini ialah sebahagian daripada etika perniagaan kita. Untuk melakukan ini, kita hanya menggunakan perisian dan kelengkapan yang diluluskan oleh kawasan yang bertanggungjawab.

Kita tahu bahawa akses kepada maklumat ialah sebahagian daripada aktiviti harian kita dan kelebihan daya saing utama untuk syarikat kita. Atas sebab ini, semua data yang terbit daripada aktiviti kita – sama ada sulit, terhad, penggunaan dalaman atau awam – menjadi milik Vale dan mengelaskan maklumat dengan betul menurut peraturan dalaman kita, menjadi tanggungjawab semua individu yang merupakan sebahagian daripada syarikat kita. Tanggungjawab kerahsiaan dan berhati-hati mesti lebih besar apabila maklumat yang dikendalikan dianggap sensitif atau istimewa secara berdaya saing, menurut peraturan dalaman Vale dan perundangan berkenaan.

Kita menjalankan aktiviti kita dengan mematuhi undang-undang privasi dan perlindungan data peribadi yang berkenaan di kawasan tempat kita beroperasi. Untuk tujuan ini, kita bergantung pada peraturan, standard metodologi dan alatan yang berusaha memastikan perlindungan data peribadi yang diproses di Vale dan dengan itu menghalang kejadian dan pelanggaran privasi.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Antitrust Policy \(POL-0015-G\)](#) →

[Policy of Disclosure of Information and Securities Trading \(POL-0030-G\)](#) →

[Information Security Policy \(POL-0007-G\).](#) →

10



### 2.4.3 Tidak bertoleransi terhadap rasuah atau apa-apa keistimewaan yang tidak wajar

Kita tahu bahawa rasuah berlaku apabila seseorang menawarkan, menjanjikan, memberi atau membenarkan pembayaran, pemberian atau Apa-apa yang Mempunyai Nilai, secara langsung atau tidak langsung, untuk mempengaruhi keputusan secara tidak wajar, memperoleh kelebihan yang tidak sama rata, mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau bertujuan mendapatkan beberapa kelebihan lain yang tidak wajar, di sektor awam dan swasta.

Selain menyalahi undang-undang, tidak beretika dan tertakluk kepada liabiliti jenayah, rasuah juga mengakibatkan kesan buruk yang serius kepada syarikat dan masyarakat. Vale tidak bertoleransi terhadap Sogokan dan rasuah serta tidak melindungi sesiapa yang terlibat dalam mana-mana aktiviti rasuah, sama ada individu yang menjadi sebahagian daripada Vale atau Pihak Ketiga.

Kita mempunyai Program Etika & Pematuhan yang merangkumi tadbir urus, garis panduan dan peraturan antirasuah yang jelas, termasuk latihan, pemantauan, pengurusan akibat secara berkala dan langkah untuk memastikan siasatan dijalankan tanpa gangguan.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Anti-Corruption Policy \(POL-0016-G\)](#)



### 2.4.5 Wakil syarikat

Pada peringkat institusi, Vale diwakili oleh para pekerja dan Pentadbir yang berinteraksi dengan Pihak Berkepentingan Luar. Kita percaya bahawa saling menghormati dan konsisten dengan Nilai Murni kita merupakan asas hubungan ini, tanpa mengira lokasi dan situasi.

Interaksi dengan Pihak Berkepentingan Luar mesti sentiasa dijalankan secara beretika dan profesional, dengan mematuhi undang-undang berkenaan dan peraturan dalaman syarikat kita.

Tiada ruang untuk konflik kepentingan, penyalahgunaan maklumat, rasuah, atau amalan antipersaingan oleh wakil kita.

### 2.4.4 Persaingan adil dan perniagaan yang bertanggungjawab

Kita percaya bahawa persaingan bebas ialah satu-satunya cara untuk menjalankan perniagaan.

Kita komited untuk bertindak dengan mematuhi peraturan dan pengawalseliaan antitrust, sekatan antarabangsa dan kawalan eksport yang dilaksanakan oleh negara dan organisasi antarabangsa yang berbeza.

Kita bertindak dengan berintegriti dan kita berusaha membina persekitaran perniagaan yang bebas daripada penipuan, pengubahan wang haram, manipulasi dan apa-apa jenis perlakuan yang menyalahi undang-undang, termasuk amalan antipersaingan, sama ada dalam tender awam atau kontrak dengan sektor awam dan swasta.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Antitrust Policy \(POL-0015-G\)](#)



[Anti-Corruption Policy \(POL-0016-G\)](#)



[Sanctions and Export Controls Policy \(POL-0025-G\)](#)





### 2.4.6 Hadiah dan hospitaliti

Kita mendorong pekerja kita untuk membina hubungan yang berkesan dengan Pihak Berkepentingan Luar kita. Pertukaran hadiah dan hospitaliti tidak digalakkan; walau bagaimanapun, perkara ini dibenarkan dalam konteks budaya atau semasa meraikan perkongsian institusi. Pertukaran hadiah dan hospitaliti tidak sepatutnya digunakan untuk mempengaruhi keputusan atau mendapatkan kelebihan yang tidak wajar dan tidak boleh berupa wang tunai atau setara dengannya, seperti baucar atau kad hadiah.

Di samping itu, pertukaran tersebut harus: (a) semata-mata memenuhi tujuan institusi (bukan perniagaan); (b) berlaku secara telus; (c) tidak melibatkan konflik kepentingan; dan (d) mematuhi peraturan dalaman mengenai topik ini.

#### **BACA LEBIH LANJUT:**

[Anti-Corruption Policy \(POL-0016-G\)](#)



### 2.4.7 Pembekal Kita

Kita perlu konsisten dengan Nilai Murni kita dan mengamalkannya setiap hari dalam semua aspek perniagaan kita, termasuk pemilihan dan hubungan kita dengan Pembekal.

Interaksi kita dengan Pembekal, yang merupakan sebahagian daripada rantai nilai kita, dipandu oleh niat baik, kejujuran, etika dan ketelusan, hormati Hak Asasi Manusia berusaha menyumbang secara positif kepada pembangunan ekonomi dan sosial di rantau tempat kita beroperasi.

#### **BACA LEBIH LANJUT:**

[Principles of Conduct for Third Parties](#)



## 2.5. Merealisasikan pelaksanaannya

### 2.5.1 Hasil yang bertanggungjawab dan mampan

Kita berusaha mendapatkan hasil yang sejajar dengan Nilai Murni kita. Kita berusaha untuk dikenali sebagai syarikat yang bertanggungjawab secara sosial dan mampan.

Kita mempercayai warga kerja kita dan mempunyai model tadbir urus yang secara jelas menyatakan perkara yang diharapkan daripada setiap individu yang menjadi sebahagian daripada Vale. Kita perlu berfikir sebelum bertindak dan kita mesti sentiasa melaporkan mana-mana kegagalan atau kesalahan. Tingkah laku ini ialah sebahagian daripada kematangan dan evolusi kita.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Integrated Report](#)



### 2.5.2 Kawalan dalaman dan pengurusan risiko

Kita menyedari risiko perniagaan kita; oleh itu, kita mempunyai struktur tadbir urus formal yang menyasar untuk mencegah dan mengurangkan risiko ini pada semua peringkat dan asal-usul.

Struktur ini berdasarkan pada garis pertahanan dengan peranan dan tanggungjawab yang ditetapkan dengan jelas, selain aktiviti pemantauan berkala yang membolehkan kita menggambarkan risiko utama dan keberkesanan kawalan kritikal kita.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Risk Management Policy \(POL-0009-G\)](#)



### 2.5.3 Kesahan, keformalan dan ketelusan

Kita mematuhi undang-undang negara di kawasan tempat kita beroperasi. Kita mempunyai sistem yang teratur untuk pendaftaran aktiviti dan hasil secara formal menurut undang-undang, peraturan, prinsip dan standard kebangsaan dan antarabangsa. Semua rekod diaudit dan diperiksa dengan sewajarnya.

Kita berinteraksi dengan kerap bersama Pihak Berkepentingan Luar kita. Kita tidak bertoleransi dengan urus niaga atau rancangan rahsia di Vale.

Kita komited untuk memberikan ketelusan dan kejelasan berkenaan nilai murni, prinsip, garis panduan dan tadbir urus kita. Kita berkongsi maklumat awam dan kemas kini berkala di laman web kita.

#### BACA LEBIH LANJUT:

[Integrated Report](#)



[Tax Policy \(POL-0046-G\)](#)



[Policy of Disclosure of Information and Securities Trading \(POL-0030-G\)](#)



13





# 3. Menguruskan Tatakelakuan



Tatakelakuan ialah sebahagian daripada Program Etika & Pematuhan Vale. Garis panduan dalam dokumen ini dinilai dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah, atas cadangan Jawatankuasa Eksekutif dan saranan Jawatankuasa Audit dan Risiko.

Dokumen ini mesti disemak semula dalam tempoh maksimum 3 (tiga) tahun atau apabila perlu, untuk memastikan kandungan yang terkini.

## 3.1. Siapakah yang menggunakan pakai Tatakelakuan ini?

Tatakelakuan ini diguna pakai oleh Vale dan anak syarikat di Brazil dan di negara lain, pekerja, Kakitangan Pengurusan Utama, pelatih amali dan mana-mana individu yang bertindak bagi pihak Vale atau anak syarikat.

Kita mendorong semua organisasi yang Vale mempunyai kepentingan untuk menggunakan Tatakelakuan ini.

Pembekal kita dan pihak ketiga lain yang bekerjasama dengan kita mesti bertindak menurut [Prinsip Perlakuan untuk Pihak Ketiga](#) Vale.

## 3.2. Bagaimanakah kita harus menggunakan Tatakelakuan ini?

Etika ialah keperluan harian; kita mesti menggunakannya dalam setiap keputusan yang kita buat. Tetapi untuk bertindak dengan integriti dan tanggungjawab, jangan mengabaikan isu yang berpotensi, seseorang mesti mempunyai kebolehan untuk melihat perkara itu. Tatakelakuan seharusnya digunakan untuk membantu pekerja membuat keputusan yang merupakan sebahagian daripada syarikat kita

Kita tahu perkara yang diperlukan untuk membina reputasi dan betapa pantas ia boleh dihancurkan. Reputasi yang dihormati ialah hasil daripada tindakan yang bertanggungjawab dan betul, keputusan beretika, respons segera terhadap kesalahan dan menghormati Tatakelakuan dan nilai murni syarikat kita.

Sebelum membuat apa-apa keputusan, kita perlu sentiasa merenung dan bertanya kepada diri sendiri beberapa soalan:



Adakah tindakan ini selaras dengan nilai murni, Tatakelakuan, garis panduan dalaman kita dan undang-undang yang berkuat kuasa?



Adakah saya pasti bahawa saya tidak perlu merujuk kepada individu atau kawasan lain syarikat?



Adakah tindakan ini boleh membahayakan kesihatan atau keselamatan seseorang individu?



Adakah keputusan ini boleh memberikan kesan negatif kepada reputasi saya atau Vale dalam komuniti kawasan kita beroperasi atau dalam pasaran?



Adakah saya selesa membuat keputusan ini?

Bukan selalunya mudah untuk membuat keputusan. Program Etika & Pematuhan Vale mengandungi latihan mengenai prinsip Tatakelakuan ini, dengan panduan tentang cara mengatasi dilema dan membuat keputusan terbaik secara bertanggungjawab. Pastikan anda menyertai latihan ini dan terus menerima maklumat terkini. Lihat bahagian berikut mengenai cara anda perlu bertindak dalam hal dilema etika dan keraguan tentang Tatakelakuan.



## 3.3. Soalan

Reputasi yang dihormati ialah satu daripada tingkah laku utama kita. Oleh itu, dalam hal dilema etika dan keraguan tentang Tatakelakuan, kita mengesyorkan anda melakukan perkara berikut:

- Berbincang secara terbuka dengan pengurus langsung anda;
- Melibatkan pemimpin lain sekiranya pengurus langsung anda tidak dapat menyelesaikan soalan anda; dan/atau
- Hubungi Sumber Manusia untuk menerima panduan dan menjelaskan soalan.
- Rujuk kepada Integriti Korporat, penjaga Program Etika dan Pematuhan Vale.

## 3.4. Saluran Tukang Adu

Jika, daripada bertanyakan soalan, anda mahu melaporkan syak wasangka atau kes salah laku etika, Saluran Tukang Adu Vale ialah alat eksklusif untuk tujuan ini dan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja, di dalam atau di luar syarikat.

Laporan didaftarkan oleh syarikat bebas dan diajukan kepada Jabatan Audit dan Pematuhan Vale, yang bertanggungjawab untuk melakukan siasatan. Maklumat berkenaan diuruskan dengan kerahsiaan dan sulit. Walau apa pun keadaannya akan berlaku pelanggaran kerahsiaan, ugutan atau tindakan balas terhadap tukang adu.

Saluran Tukang Adu menawarkan semua syarat agar laporan dapat disahkan secara bebas. Pasukan Saluran Tukang Adu mempunyai akses tanpa had kepada sistem dan maklumat syarikat untuk tujuan siasatan.

Jika anda mengambil keputusan untuk membuat laporan, sila berikan maklumat sebanyak yang mungkin bagi menyokong dakwaan anda dan membolehkan siasatan saksama dan berkesan dijalankan. Apabila dakwaan diterima, Vale menggerakkan seluruh struktur korporat untuk menjalankan siasatan dan, jika perlu, mempertanggungjawabkan mereka yang terlibat

Vale secara berkala mendedahkan, melalui Laporan Program Etika & Pematuhan yang tersedia di laman web syarikat, bilangan dan profil dakwaan yang diterima, memastikan ketelusan sepenuhnya dalam proses sambil mengekalkan kerahsiaan penyiasatan dan mereka yang terlibat.



## 3.5. Pengurusan Salah Laku

Program Etika & Pematuhan Vale distrukturkan untuk menggalakkan budaya etika dan integriti dengan menghalang, mengesan dan membetulkan salah laku.

Apabila salah laku disahkan, kita bertindak menurut Dasar Pengurusan Salah Laku kita.

Mana-mana pekerja atau ahli Kakitangan Pengurusan Utama yang melanggar prinsip Tatakelakuan ini atau dasar dan peraturan Vale yang lain adalah tertakluk kepada akibat yang dinyatakan dalam Dasar.

### BACA LEBIH LANJUT:

[Misconduct Management Policy \(POL-0041-G\)](#)





# 4. *Glosari*

## Pentadbir

Untuk tujuan Tatakelakuan ini, istilah tersebut merujuk kepada ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penasihat kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Eksekutif atau sesiapa sahaja yang memegang jawatan berkanun lain atau serupa, menurut undang-undang berkenaan, dalam bidang kuasa di kawasan Vale dan anak syarikat beroperasi.

## Apa-apa yang Mempunyai Nilai

Wang tunai, hadiah, melancong, hospitaliti, penajaan, derma, peluang pekerjaan, barangan, atau harta benda. Ini juga boleh merangkumi manfaat tidak ketara, seperti maklumat orang dalam dan petunjuk<sup>1</sup>.

## Gangguan

Siri beberapa serangan melalui kata-kata atau gerak isyarat yang biadab dan tidak wajar, komen berniat jahat, penghinaan bersifat prasangka atau diskriminasi, membuli, ugutan, khabar angin dan lawak jenaka yang tidak wajar serta mengaibkan pekerja dan menjejaskan hubungan profesional mereka.

## Gangguan Seksual

Apa-apa yang memaksa hubungan atau perhatian seksual yang tidak diingini kepada seseorang. Ini terdiri daripada permintaan seksual yang tidak diingini, nada yang tidak sesuai, atau kata-kata yang tidak senonoh kepada seseorang yang menjanjikan anda pekerjaan, kenaikan pangkat, saraan atau layanan istimewa sebagai pertukaran untuk pemberian seksual. Ini juga termasuk sentuhan yang tidak wajar atau tidak diingini dan menyiarkan atau berkongsi imej, objek, atau bahan berunsur seksual yang tidak wajar.

## Hak Asasi Manusia

Hak dan kebebasan sejagat yang ada pada semua manusia, di mana-mana di dunia, tanpa mengira usia, etnik, bangsa, jantina, kewarganegaraan, bahasa, agama, atau status lain. Semua individu layak mendapat hak ini, tanpa diskriminasi.

## Pembekal

Mana-mana pembekal barangan dan/atau perkhidmatan, termasuk perunding, ejen, wakil komersial, penasihat politik, broker, perantara, antara lainnya.

## Pegawai kerajaan

ni bukan sahaja merujuk kepada individu yang dipilih; ia juga termasuk: (a) mana-mana pegawai, penjawat awam, pekerja atau wakil kerajaan, syarikat milik negeri atau modal campuran, atau mana-mana individu yang menjalankan fungsi kerajaan bagi pihak entiti ini; (b) ahli majlis atau jawatankuasa, atau pekerja yang bertindak atas kapasiti rasmi, menurut undang-undang dan peraturan berkenaan, bagi membantu dalam pelaksanaan fungsi kerajaan, termasuk mengubah suai atau menggubal undang-undang atau peraturan; (c) mana-mana pekerja yang dipilih atau dilantik di Cawangan Perundangan, Eksekutif atau Kehakiman; (d) pegawai atau pekerja agensi kerajaan atau pihak berkuasa pengawalseliaan; (e) pemimpin atau individu yang memegang jawatan dalam parti politik atau calon untuk jawatan politik; (f) individu yang memegang mana-mana jawatan rasmi, istiadat atau jawatan lain yang dilantik atau diwarisi daripada kerajaan atau mana-mana agensinya; (g) pegawai atau pekerja pertubuhan antarabangsa awam (seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia, atau Tabung Kewangan Antarabangsa); (h) seseorang yang, atau dikenal pasti sebagai, perantara yang bertindak bagi pihak pegawai kerajaan; (i) seseorang yang, walaupun bukan pegawai awam, perlu dianggap sebagai pegawai awam, sepertimana yang ditentukan oleh undang-undang berkenaan; (j) seseorang yang, walaupun untuk sementara atau tanpa gaji, memegang jawatan, pekerjaan, atau fungsi kerajaan.

## Pihak Berkepentingan Luar

Pihak luar dengan mereka kita berinteraksi, termasuk pelanggan, pembekal, penyedia perkhidmatan, pelabur, rakan niaga, komuniti, wakil kerajaan, pegawai kerajaan dan pihak media, ahli masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan.

## Kakitangan Pengurusan Utama

untuk tujuan Tatakelakuan ini, istilah tersebut merujuk kepada Pentadbir dan ahli Majlis Fiskal.


## Sogokan

Tawaran, janji, pembayaran, atau pemberian apa-apa barangan yang mempunyai nilai bertujuan mempengaruhi tindakan pegawai, atau individu lain, yang bertanggungjawab ke atas tugas awam atau undang-undang, untuk memberikan atau memperoleh keistimewaan yang tidak wajar.

## Pihak Ketiga

mana-mana individu, syarikat, atau entiti yang menjalankan perniagaan dengan Vale, termasuk Pembekal, Klien, rakan niaga dan penerima Pelaburan Sosio-Alam Sekitar.

<sup>1</sup> Maklumat sulit yang boleh memberi kesan kepada nilai saham syarikat, seperti berita penggabungan, pengambilalihan atau penjualan anak syarikat, tawaran atau penjualan sekuriti syarikat yang terancang dan sebagainya.



# 5. *Terma Pengakuan dan Komitmen*

# 5. Terma Pengakuan dan Komitmen

Saya memahami kewajiban saya di bawah Tatakelakuan Vale, yang tersedia di saluran intranet dan laman web syarikat. Dengan menandatangani dokumen ini, dengan ini saya menjamin dan bersetuju untuk mematuhi sepenuhnya Tatakelakuan tersebut.

---

Tandatangan<sup>2</sup>

---

Tempat

Bulan

Hari

Tahun

---

Nama

---

ID Vale

